



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN MADANI KEPADA
BADAN SUKAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA
TAHUN 2024**

5 MAC 2024

**DEWAN SERBAGUNA
MENARA SERI WILAYAH**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmatnya dapat kita bersama-sama pada petang ini dalam Majlis Penyerahan Bantuan MADANI Badan Sukan Kuala Lumpur dan Putrajaya Tahun 2024.
2. Saya kira ini adalah kali pertama saya bertemu dengan tuan-tuan dan puan-puan semua yang merupakan wakil badan-badan sukan yang berdaftar di bawah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan.

3. Saya juga amat gembira kerana dapat berkumpul bersama para perwakilan dari badan sukan, yang merupakan tulang belakang dalam pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan. Keberhasilan sukan kita tidak terlepas daripada sumbangan dan usaha bersama oleh semua pihak yang hadir di sini.

PERANAN BADAN SUKAN TERHADAP PEMBANGUNAN SUKAN NEGARA

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Sukan bukan hanya aktiviti fizikal semata-mata, tetapi juga merupakan satu wadah untuk membentuk

keperibadian dan meningkatkan kualiti kehidupan kita.

5. Sehubungan itu, peranan badan sukan dalam pembangunan negara adalah sangat penting. Melalui aspek kesihatan, badan sukan berperanan penting dalam menganjur dan menyokong program-program sukan yang dapat meningkatkan kesihatan masyarakat sekaligus menggalakkan gaya hidup aktif, mengurangkan penyakit tidak berjangkit dan secara tidak langsung meningkatkan kualiti hidup rakyat.

6. Anda semua juga adalah rakan kongsi penting kepada negara dalam usaha kita untuk membentuk masyarakat yang berkualiti dan bersatu padu.

7. Di peringkat Wilayah Persekutuan, baru-baru ini pada Majlis Amanat 2024, saya telah memperkenalkan visi baru Wilayah Persekutuan, salah satunya adalah menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai *Healthy City* atau Bandar Sihat. Pihak kami akan cuba sedaya upaya untuk menyediakan ruang dan fasiliti yang terbaik untuk pembangunan aspek sukan ini khususnya dalam usaha kami untuk mewujudkan sebuah bandar yang sihat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, penduduk Putrajaya menunjukkan tren yang melebihi kadar populasi nasional bagi tiga perkara, iaitu pertama, kadar obesiti yang tinggi, kedua, kurang melakukan aktiviti fizikal dan ketiga, paras kolestrol dalam darah yang tinggi.

9. Selain itu, penduduk Kuala Lumpur dan Putrajaya merekodkan masalah kemurungan dan *anxiety* yang tertinggi. Hal ini sebenarnya agak membimbangkan dan perlu ada

intervensi dari semua pihak, termasuk peranan proaktif yang perlu dimainkan oleh badan-badan sukan.

10. Saya berharap agar peranan badan sukan bukan sahaja sekadar menjadi pentadbir dan pendorong kepada prestasi atlet, tetapi juga merupakan agen dalam membentuk masyarakat yang lebih sihat, aktif dan berdaya saing.

INISIATIF KERAJAAN MALAYSIA UNTUK BADAN SUKAN

Para hadirin sekalian,

11. Di pihak kerajaan, kami sentiasa memberi dorongan kepada badan-badan sukan untuk bergerak aktif, antaranya seperti memudahkan urusan pertandingan tempatan yang dianjurkan oleh badan-badan sukan.

12. Seperti yang telah diumumkan sebelum ini, penganjuran pertandingan tempatan oleh badan sukan tidak perlu lagi mendapatkan kelulusan daripada Pesuruhjaya Sukan. Walau bagaimanapun perlu dipastikan

bahawa penganjuran sukan itu hendaklah mematuhi garis panduan kesihatan dan keselamatan yang ditetapkan termasuk mendapatkan insurans bagi menjamin keselamatan peserta.

13. Saya pasti, inisiatif ini akan lebih mempermudah proses penganjuran acara sukan di Malaysia, khususnya di Wilayah Persekutuan ini.
14. Perkara ini juga selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim iaitu mengurangkan birokrasi di pihak kerajaan.

15. Saya yakin dan percaya inisiatif ini serba sedikit akan memberi peluang kepada badan-badan sukan untuk terus bergiat aktif dalam menganjurkan program-program dan pertandingan-pertandingan sukan di peringkat Wilayah Persekutuan.

BANTUAN MADANI KEPADA BADAN SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2024

Para hadirin yang dimuliakan sekalian,

16. Seperti kelazimannya pada setiap tahun, Jabatan Wilayah Persekutuan meneruskan komitmen dalam menyalurkan Bantuan MADANI yang

diberikan khusus bagi membantu pentadbiran badan sukan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

17. Pada tahun ini, Jabatan Wilayah Persekutuan telah bersetuju meluluskan sejumlah RM 352,000.00 kepada 109 badan sukan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.
18. Baru-baru ini dalam lawatan saya ke Labuan saya telah menyerahkan bantuan tersebut kepada 25 badan sukan di Labuan berjumlah RM 70,000.00 dan pada hari ini, saya akan menyerahkan baki sebanyak RM 282,000.00 lagi kepada 86 badan

sukan merangkumi 48 badan sukan di Kuala Lumpur dan 38 badan sukan di Putrajaya.

19. Sumbangan ini bukanlah semata-mata angka ringgit, tetapi ia juga mencerminkan semangat kebersamaan dan kepedulian JWP dan MSWP kepada badan-badan sukan di Wilayah Persekutuan selaras dengan #WilayahPersekutuanKita yang saya perkenalkan pada Majlis Aspirasi 2024 baru-baru ini.

KEBANGKITAN PADA SUKMA KE-21 DI SARAWAK

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian,

20. Seperti semua sedia maklum, SUKMA ke-21 akan berlangsung tidak lama lagi. Saya difahamkan bahawa pada hari ini juga saya akan menyerahkan watakah pelantikan kepada 47 pengurus pasukan yang akan ke SUKMA di Sarawak pada Ogos nanti.
21. Kepada kesemua 47 pengurus pasukan yang dilantik, saya berharap agar anda semua dapat menggalas tugas dan tanggungjawab dengan

penuh amanah bagi memastikan kejayaan kontinjen Wilayah Persekutuan pada temasya yang bakal berlangsung beberapa bulan sahaja lagi.

22. Berbanding pencapaian kontinjen Wilayah Persekutuan yang menduduki tempat ketiga pada edisi yang lalu, pada kali ini, sudah pasti harapan semua warga Wilayah Persekutuan adalah mahukan pencapaian yang lebih baik, begitu juga saya.
23. Biar pun cabaran yang membabitkan isu logistik dan peruntukan kewangan yang agak terhad, saya memohon komitmen dan kerjasama semua untuk

memastikan setiap atlet kita yang bertanding di SUKMA nanti akan melakukan yang terbaik demi Wilayah Persekutuan. Saya mahukan semua badan sukan untuk mempersiapkan atlet masing-masing untuk berada di prestasi yang terbaik kerana hanya yang terbaik dan berpotensi untuk menghasilkan pingat sahaja akan dipilih untuk dihantar ke SUKMA di Sarawak nanti.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

24. Saya berharap agar Bantuan MADANI ini dapat memberi lebih galakan kepada semua badan sukan untuk berusaha meningkatkan tadbir urus masing-masing dan seterusnya mempraktikkan tata kelola yang baik supaya pengurusan badan sukan di Wilayah Persekutuan dapat menjadi contoh dan *benchmark* yang terbaik kepada badan-badan sukan di negeri lain.

25. Saya juga ingin mengajak tuan-tuan dan puan-puan untuk terus memainkan peranan utama dalam pembangunan sukan negara. Teruslah membimbing dan mendidik bakat-bakat tempatan, membina dan menganjur program yang berkesan dan menyokong inisiatif kecergasan dan kesihatan masyarakat.

26. Di peringkat Jabatan Wilayah Persekutuan dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, kami mengalu-alukan sebarang cadangan dan maklum balas daripada wakil-wakil badan sukan yang ada pada hari ini.

27. Sudah pasti, kerjasama yang berterusan dengan lebih erat perlu disulam di antara badan-badan sukan dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan agar pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan akan menjadi lebih inklusif, berkesan dan lestari.

28. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini. Sumbangan dan komitmen anda semua adalah nilai tambah kepada pembangunan sukan dan keharmonian di Wilayah Persekutuan.

29. Teruslah berjuang demi cita-cita sukan negara yang lebih cemerlang. Semoga majlis pada hari ini menjadi pemangkin kepada pencapaian yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah
wassalamu'alaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Terima kasih.